


Praktis Topikal 7

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab semua soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling tepat.

- 1 Rajah 1 berkaitan dengan Tamadun India.



Rajah 1

Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- A Kemunculan kerajaan-kerajaan kecil
B Kewujudan kerajaan yang lebih besar
C Peranan Magadha dalam sistem politik
D Peralihan pusat tamadun ke Lembah Ganges
- 2 Apakah sumbangan Magadha dalam Tamadun India?
A Penyebaran agama Hindu
B Pemerintahan yang kukuh
C Kewujudan kerajaan baharu
D Perpaduan masyarakat Tamadun India
- 3 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India?
I Kewangan
II Sumber alam
III Tahap pendidikan
IV Diplomasi keagamaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 4 Pernyataan berikut berkaitan dengan Tamadun India.

Sumber manusia yang cukup menjamin sesebuah kerajaan ditadbir dengan baik dan berkesan.

Apakah yang dapat dikaitkan dengan pernyataan tersebut?

- A Perkembangan Tamadun India
B Sistem pendidikan Tamadun India
C Bentuk perluasan kuasa dalam Tamadun India
D Faktor perluasan kuasa dalam Tamadun India

- 5 Apakah yang dapat dikaitkan dengan tokoh-tokoh berikut?

- Chandragupta Maurya
- Asoka

- A Dinasti Gupta
B Dinasti Nanda
C Dinasti Maurya
D Dinasti Magadha

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan perluasan kuasa dalam Tamadun India.

Asoka menghentikan usaha perluasan kuasa secara fizikal dan menumpukan kepada pengembangan agama Buddha.


Apakah peristiwa yang menyebabkan perubahan kaedah perluasan kuasa tersebut?

- A Perang Kalinga
B Desakan rakyat
C Rampasan kuasa besar
D Perkembangan agama Hindu-Buddha

- 7 Mengapakah pemerintah Gupta, iaitu Raja Samudragupta dikenali sebagai *Kaviraja*?

- A Menggubal undang-undang
B Meminati puisi-puisi keagamaan
C Meluaskan empayar ke seluruh India
D Mengembangkan aktiviti perdagangan

- 8 Peta berikut menunjukkan penyebaran agama Buddha dalam Tamadun India.



Apakah X?

- A Punjab
B Kalinga
C Mathura
D Pataliputra

- 9 Pilih pernyataan yang **benar** tentang tokoh berikut.



Maharaja Shi Huangdi

- I Pemimpin Dinasti Qin
 - II Meningkatkan perdagangan
 - III Membentuk empayar yang luas
 - IV Bertanggungjawab menyatukan China
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 10 Maklumat berikut merupakan karya seorang tokoh dalam Tamadun China.

- Lun Yu
- Analects

Siapakah tokoh tersebut?

- A Cai Lun
- B Konfusius
- C Han Fei Zi
- D Dowager Cixi

- 11 Gambar berikut ialah tokoh pada zaman Dinasti Han.



Cai Lun

Apakah sumbangan tokoh tersebut dalam sistem pendidikan?

- A Penubuhan sekolah tinggi
- B Teknologi pembuatan kertas
- C Menyeragamkan sistem tulisan
- D Penekanan dalam aspek pemahaman perundangan

- 12 Apakah matlamat sistem pendidikan dalam Tamadun China?

- I Lulus peperiksaan perkhidmatan awam
- II Mengekalkan ajaran Konfusianisme
- III Memilih pemerintah negara
- IV Membentuk status sosial

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 13 Apakah yang dilakukan pada peringkat rendah dalam sistem pendidikan Tamadun China?

- I Menghafal tulisan dan buku suci
- II Tidak perlu memahami makna tulisan
- III Menulis buku suci dan mempelajari adat
- IV Menghafal serta memahami karangan dan sajak

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Manakah pernyataan yang **benar** berkaitan dengan tokoh berikut?

Maharani Dowager Cixi

- A Memansuhkan peperiksaan perkhidmatan awam
- B Memperkenalkan peperiksaan perkhidmatan awam
- C Mengembangkan sistem pendidikan Tamadun China
- D Melaksanakan sistem pemilihan pegawai perkhidmatan awam

- 15 Apakah kelebihan yang diperoleh calon yang lulus pada peringkat ketiga dalam peperiksaan perkhidmatan awam?

- A Memperoleh kakitangan pengiring
- B Dapat menyertai Majlis Santapan Diraja
- C Menjadi kakitangan kerajaan peringkat rendah
- D Mendapat kedudukan dan pangkat yang tinggi dalam kerajaan